

CNS6345

U GB 19-09 00194 BA298

Bah

MAHATHIR: PENDIRIAN AS TERHADAP EAEG MEMBAYANGKAN SIKAP BERCANGGAH AMERIKA

Mahathir: - EAEG

Daripada Syed Jamil Jaafar

I

BANDAKAYA MEXICO, 19 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Rabu berkata bantahan Amerika Syarikat terhadap penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dicadangkan oleh Malaysia membayangkan percanggahan pendirian negara itu sendiri.

+Daripada satu segi, mereka menganggap menjadi hak mereka untuk menubuhkan sebuah persatuan dengan negara-negara jiran bagi tujuan menurunkan sekatan perdagangan dan meningkatkan hubungan ekonomi,+ kata Perdana Menteri.

+Daripada segi yang lain pula, kita di Timur langsung tidak dibenarkan menggelarkan diri kita sebagai orang Asia Timur, sebaliknya, kita diberitahu supaya memanggil diri kita sebagai orang Pasifik.,

+Ini adalah sesuatu yang tidak dapat kita fahami terutama memandangkan EAEG bukan sebuah blok perdagangan, ia juga tidak akan menjadi sebuah zon perdagangan bebas,+ katanya pada persidangan akhbar pada hari kedua lawatan rasminya selama enam hari ke Mexico.

Perdana Menteri menjawab satu soalan mengenai cadangan penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) yang akan menggabungkan Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico, dan EAEG yang telah menarik perhatian ramai di sini. -- Lag-i.

♥19/09/16-53MST

U GB 19-09 00154 BA299

Bah

Mahathir - EAEG 2 Bandaraya Mexico

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan bahawa EAEG hanya sekadar sebuah forum bagi negara-negara Timur membincangkan beberapa isu bersama yang berkaitan dengan perdagangan bebas agar dapat melindungi perdagangan bebas pada forum antarabangsa seperti Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) dan Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala Pusingan Uruguay.

+Tetapi Amerika Syarikat membantah perkara itu, kita tidak faham apa sebabnya,+ kata Perdana Menteri.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan mendapatkan kerjasama Mexico untuk menggunakan negara itu sebagai +pintu belakang+ bagi memasuki pasaran Amerika Syarikat berikutan penubuhan NAFTA, beliau berkata Malaysia lebih suka menggunakan +pintu depan+.

Katanya, adalah sukar menggunakan Mexico sebagai saluran bagi memasuki pasaran Amerika Utara kerana sudah tentu terdapat pelbagai syarat untuk dipenuhi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia masih mengkaji cadangan penubuhan NAFTA dan akan menimbangkan beberapa kaedah untuk mengatasi perkara itu. -- Lagi.

♥19/09/16-55MST

U GB 19-09 00107 BA300

Bah

Mahathir - EAEG 3 Bandaraya Mexico

+Kita lebih suka menggunakan pintu depan tetapi sekiranya kita tidak mampu, kita mungkin menggunakan pintu belakang,+ katanya.

Amerika Syarikat adalah sebuah rakan dagangan penting bagi Malaysia, iaitu sebanyak 18 peratus daripada jumlah dagangan negara.

Perdagangan Malaysia dengan Mexico adalah kecil (kira-kira 0.12 peratus daripada jumlah dagangan Malaysia).

Datuk Seri Dr Mahathir berkata walaupun tanpa NAFTA, Malaysia berminat untuk memperluaskan perdagangannya dengan Mexico.

+Kita adalah sebuah negara perdagangan, seperti juga Mexico., dan kita sentiasa mencari pasaran bar-u di samping mengekal-kan hubungan dengan rakan dagang tradisional kita.+ -- Lagi.

♥19/09/16-57MST

CNS6354

U GB 19-09 00134 BA301

Bah

Mahathir - EAEG 4 Bandaraya Mexico

Datuk Seri Dr Mahathir juga menjelaskan kenapa Malaysia tidak mahu dikelaskan sebagai negara pcrindustrian baru (NIC) bersama-sama empat negara yang digelar +Harimau Asia+ (Singapura, Taiwan, Hong Kong dan Korea Selatan).

Beliau berkata sejurus selepas sebuah negara dikelaskan sebagai NIC, ia akan kehilangan beberapa hak keistimewaan seperti faedah Sistem Keutamaan Am (GSP).

Negara-negara maju juga akan mengenakan pelbagai syarat dan menuntut pelbagai permintaan, seperti menilai semula mata wangnya, menghalang kemajuannya ke arah menjadi sebuah negara maju.

Beliau mengulas mengenai Mexico yang sekarang dianggap sebagai +Jaguar Amerika+ istilah yang sama ertinya dengan +Harimau Asia.+

Datuk Seri Dr Mahathir telah mengadakan pertemuan empat mata, dengan Presiden Carlos Salinas sejurus selepas tiba di negara itu semalam. -- Lagi.

♥19/09/17-00MST

CNS6368

U GB 19-09 00142 BA303

Bah

Mahathir - EAEG 5 (Akhir) Bandaraya Mexico

Beliau menemui pemimpin Mexico itu sekali, lagi pada pagi Rabu apabila mereka menyertai 32 anggota rombongan sektor swasta Malaysia yang mengiringi Perdana Menteri pada pertemuan sewaktu sarapan pagi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Presiden Salinas telah menerima undangannya untuk melawat Malaysia dan akan-melakukan kunjungan itu tidak lama lagi.

Beliau berkata beliau dan pemimpin Mexico itu yakin terdapat banyak potensi bagi kerjasama ekonomi, perdagangan dan teknikal antara Malaysia dan Mexico.

Sebagai contoh, Mexico mempunyai kepakaran dalam industri /yang dapat dikongsi oleh Malaysia manakala Malaysia pula mempunyai pengalaman dalam pembangunan tanah yang dapat dicontohi pula oleh Mexico.

Usaha-usaha sedang dilakukan untuk mewujudkan hubungan udara dan memperbaiki hubungan perkapalan antara kedua-dua negara bagi meningkatkan hubunyan rakyat dengan rakyat dan meningkatkan perdagangan. -- Bernama.